



USIM di mercu kejayaan

Penubuhan USIM bermula 10 tahun lalu di mana perbincangan tentang pembentukan universiti Islam milik negara sepenuhnya telah diadakan pada tanggal 25 September 1996.

Oleh KHADIJAH MOHAMAD NOR
khadijah.mohamadnor@kosmo.com.my

PADA tarikh 25 November yang lalu, tercipta satu detik bersejarah yang membuka lembaran baru bagi semua warga Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi merasmikan kampus USIM yang terletak di Nilai, Negeri Sembilan.

USIM adalah sebuah universiti Islam pertama yang ditubuhkan oleh kerajaan Malaysia pada permulaan abad ke-21. Ia juga adalah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang ke-12 di negara ini.

Menyelusuri sejarah penubuhan USIM, usaha bagi menubuhkan sebuah universiti Islam di Malaysia telah bermula sebelum zaman merdeka lagi. Malahan, usaha tersebut tidak terhenti sekatat penubuhan Kolej Islam Malaya (KIM) pada tahun 1956, tetapi berterusan pada tahun 1960-an dan 1970-an.

Apabila Fakulti Pengajian Islam (FPI) ditubuhkan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), usaha menubuhkan universiti Islam tidak terhenti noktahnya di situ sahaja. Beberapa golongan, kumpulan dan individu terus membincangkan keperluan membentuk universiti Islam yang dimiliki sepenuhnya oleh negara.

Penubuhan USIM bermula 10 tahun lalu di mana perbincangan tentang pembentukan universiti Islam milik negara sepenuhnya telah diadakan pada tanggal 25 September 1996.

Antara yang menghadiri perbincangan tersebut ialah Datuk Seri Najib Tun Razak selaku Menteri Pendidikan ketika itu; Tan Sri Datuk Dr. Hamid Othman (Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab menguruskan hal-hal berkaitan agama Islam); Tan Sri Datuk Dr. Wan Zahid Mohd. Noordin (Ketua Pengarah Pendidikan); Profesor Datuk Dr. Anuar Ali (Penga-



DETIK bersejarah USIM ketika dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Nilai, Negeri Sembilan baru-baru ini.

rah Bahagian Pendidikan Tinggi di Kementerian Pendidikan) dan Profesor Datuk Dr. Abdul Shukor Husin yang merupakan Dekan Fakulti Pengajian Islam di UKM pada masa itu.

Mereka merupakan individu berkualiti yang telah menyumbang pelbagai idea, cadangan dan konsep yang begitu bermakna sehingga penubuhan KUIIM menjadi realiti. Pada 11 Jun 1997, Mesyuarat Jemaah Menteri telah meluluskan penubuhan KUIIM dan penubuhannya telah diwartakan pada 13 Mac 1998.

Bagi memantapkan lagi imej KUIIM di peringkat antarabangsa, ia telah ditukar menjadi USIM secara rasminya pada 1 Februari 2007. Pembangunan kampus kemudian diteruskan untuk memberi keselesaan kepada pelajar, penyarah dan kakitangan untuk terus maju dalam bidang teras terutamanya pengajian Islam.

Naib Canselor USIM, Profesor Datuk Dr. Abdul Shukor Husin telah diberi kepercayaan membentuk universiti yang baru ini pada tahun 1999. Beliau

yang merupakan lulusan peringkat ijazah Sarjana Muda, ijazah Sarjana (Master) dan ijazah Ijazah Kedoktoran (PhD) dari Universiti Al-Azhar di Mesir ini merupa-

kan calon terbaik bagi mengemudi universiti itu untuk mencapai kejayaan.

Pelantikan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Najihah Almarhum Tunku Besar Burhanuddin kemudiannya turut membuka lembaran baru dalam lipatan sejarah USIM. Baginda amat aktif dalam bidang kemasyarakatan dan sering dilantik sebagai penaung kepada pelbagai persatuan kebajikan, antaranya Pertubuhan Puteri Negeri Sembilan dan

Lembaga Kebajikan Perempuan Islam dan Institusi Wanita. Justeru, Tuanku Najihah Syariah & Law Lecture, program tahunan anjuran Fakulti Syariah dan Undang-undang telah dinamakan bersempena dengan nama baginda.

Dibangunkan di tapak seluas 634.13 ekar, kampus utama USIM yang terletak di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan ini berkembang pesat dengan pembangunan prasarana yang serba moden



ABDUL SHUKOR HUSIN

dan terkini.

Buktinya, beberapa bangunan penting telah siap dibina seperti Bangunan Canselor, Dewan Kuliah, Bangunan Fakulti, Kompleks Sukan dan Pusat Kemudahan Pelajar. Atas dasar penggunaan teknologi terkini, bangunan di USIM turut dilengkapi dengan peralatan moden dan canggih sejajar dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Warga USIM dapat menikmati kemudahan ICT di setiap sudut kawasan kampus kerana ia dilengkapi dengan kemudahan jalur lebar tanpa wayar. Infrastruktur yang serba moden ini akan mendorong warga USIM agar terus gigih berusaha bagi menjayakan hasrat negara untuk maju seiring dengan wawasan 2020.

Bersesuaian dengan imej USIM yang ketara dari segi penerapan nilai-nilai Islam, USIM mengaplikasikan unsur-unsur Islamik dalam cara penggayaan landskap. Penerapan tiga unsur penting seperti corak geometri, unsur air dan laman dalam *courtyard* memberi kesan yang cukup bermakna dalam melahirkan rasa ketenangan, keharmonian dan kemanusiaan.

Ketiga-tiga unsur itu jika dilihat dari corak geometri, reka bentuk fizikalnya adalah bersudut tepat dan sama rata walaupun disusun dalam pelbagai sudut. Gabungan bentuk itu secara tidak langsung membentuk arah tuju yang sekata iaitu menghadap kiblat yang mana merupakan salah satu keunikan seni bina di universiti tersebut.

USIM kini mempunyai lapan buah fakulti iaitu Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Fakulti Sains dan Teknologi, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dan Fakulti Pergigian yang menawarkan 22 program pengajian yang berlandaskan kepada prinsip dan falsafah kesepaduan antara ilmu Aqli dan Naqli serta budi pekerti mulia yang merentasi semua bidang ilmu.

Penyempurnaan secara rasminya kampus induk USIM telah merealisasikan impian dan hasrat negara untuk menyaksikan pembukaan sebuah universiti Islam yang menjadi pemangkin yang efektif kepada pembangunan ekonomi dan anjakan minda masyarakat.



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية



USIM merealisasikan impian negara untuk menyaksikan pembukaan sebuah universiti Islam yang menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi dan anjakan minda masyarakat.



DENGAN keluasan 634.13 ekar, kampus utara USIM berkembang pesat dengan pembangunan prasarana yang serba moden dan terkini.